



FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KECENDERUNGAN DADAH DALAM KALANGAN ETNIK MELAYU BERBANDING ETNIK CINA

[FACTORS AFFECTING THE TENDENCY OF DRUG ADDICTION AMONG MALAY ETHNIC COMPARED TO CHINESE ETHNIC]

ENGKU MOHAMMAD FADHLI ENGKU FAUZI,^{1*} RAZI YAAKOB,² RIDHUAN TEE ABDULLAH²
& TENGKU ATIKAH ENGKU FAUZI^{1*}

¹ Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. email: engfadhli96@gmail.com; sl3737@putra.unisza.edu.my

^{2*} Fakulti Pengajian Umum & Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. email: raziyaacob@unisza.edu.my; ridhuantee@unisza.edu.my

Correspondent Email: raziyaacob@unisza.edu.my

Received: 29 January 2023

Accepted: 7 February 2023

Published: 31 March 2023

Abstrak: Isu penagihan dadah tidak lagi dilihat sebagai perkara asing dalam permasalahan sosial sesebuah negara terutamanya dalam kalangan negara membangun. Kebanyakan negara memandang serius isu ini sehingga diisytiharkan sebagai musuh nombor satu negara. Di Malaysia, isu penagihan dadah merupakan perkara yang sangat serius sehingga menjadi agenda utama negara yang perlu diberi perhatian. Pelbagai perdebatan dan perbincangan yang telah diusahakan oleh agensi-agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), keluarga dan individu berkaitan bagi mengawal serta membendung unsur-unsur yang boleh menyumbang kepada kecenderungan penagihan dadah di negara ini. Oleh yang demikian, perbezaan jurang antara etnik yang terlibat dalam masalah dadah ini perlu untuk diketengahkan. Fakta menunjukkan bahawa penagih dadah dalam kalangan etnik Melayu yang beragama Islam lebih ramai berbanding etnik Cina. Justeru, kajian konsep ini bertujuan untuk mengenal pasti punca ketagihan dadah, mengkaji pengaruh keterlibatan dadah dan meneliti faktor yang lebih dominan berdasarkan konstruk tersebut: 1) Agama, 2) Sosio-Budaya, 3) Sosio-Ekonomi, dan 4) Persekitaran, ke atas penagih dadah bagi etnik Melayu dan etnik Cina di Malaysia. Kajian konsep ini meneliti subjek, konsep dan objektif untuk kajian yang akan datang dengan berpandukan sorotan literatur daripada pelbagai disiplin penyelidikan. Hasil konsep yang dirangka akan memberikan gambaran terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan penagihan dadah dalam kalangan etnik Melayu berbanding etnik Cina di Malaysia berdasarkan empat konstruk yang telah ditetapkan.

Kata kunci: Penagihan dadah; Etnik melayu; Etnik cina; Sosio budaya; Persekitaran.

Abstract: The issue of drug addiction is no longer seen as an unfamiliar matter in the social problems of a country, especially in developing countries. Most countries take this issue seriously and declare it their number one enemy. In Malaysia, the problem of drug addiction is a severe matter that has become the country's main agenda that needs attention. Government agencies, non-governmental organizations (NGOs), families, and related individuals have undertaken various debates and discussions to control and contain the elements contributing to drug addiction in this country. Therefore, the gap between the ethnicities involved in the drug issue should be highlighted. In fact, there are more drug addicts among the Malay Muslim ethnic group compared to the Chinese ethnic group. Thus, this conceptual study aims to identify the causes of drug addiction, examine the influence of drug involvement and examine the more dominant factors based on the construct: 1) Religion, 2) Socio-Cultural, 3) Socio-Economic, and

4) Environment, on drug addicts for ethnic Malays and ethnic Chinese in Malaysia. This conceptual study examines subjects, concepts and objectives for future studies guided by literature highlights from various research disciplines. The results of the concept drawn up will give an overview of the factors that influence the tendency of drug addiction among the Malay ethnic group compared to the Chinese ethnic group in Malaysia based on the four constructs that have been determined.

Keywords: Drug addiction; Malay ethnicity; Chinese ethnicity; Socio-cultural; Environment

Cite This Article:

Engku Mohammad Fadhli Engku Fauzi, Razi Yaakob, Ridhuan Tee Abdullah & Tengku Atikah Engku Fauzi. 2023. Faktor yang Mempengaruhi Kecenderungan Dadah dalam Kalangan Etnik Melayu Berbanding Etnik Cina [Factors Affecting The Tendency of Drug Addiction among Malay Ethnic Compared to Chinese Ethnic]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 3(1), 70-83.

PENGENALAN

Pada tahun 1983, kerajaan telah mengambil satu inisiatif baru dalam usaha memerangi wabak dadah dalam negara dan pada tahun tersebut juga masalah ini diisytiharkan sebagai satu ancaman kepada keselamatan negara. Falsafah dasar ini ialah untuk melahirkan satu masyarakat yang bebas daripada ancaman dadah. Dasar ini telah diumumkan oleh Y.A.B. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia pada 19 Februari 1983 semasa melancarkan Kempen Anti Dadah. Kerajaan telah mewujudkan Jawatankuasa Antidadah Kebangsaan dan diletakkan di bawah Majlis Keselamatan Negara.

Kerajaan telah meluluskan penubuhan Agensi Dadah Kebangsaan yang bertanggungjawab sebagai Urus Setia kepada Majlis Dadah Kebangsaan dan bertanggungjawab kepada semua tindakan antidadah. Semenjak itu, dadah dianggap sebagai musuh nombor satu negara apatah lagi sasaran utama penagihan dadah ialah generasi muda yang merupakan tulang belakang dan harapan negara pada masa hadapan. Penagihan dadah yang berleluasa boleh mengancam kesejahteraan rohani, sosio-ekonomi, dan budaya rakyat jelata dan seterusnya melemahkan ketahanan nasional dan mengancam keselamatan negara (Agensi Dadah Kebangsaan, 1997). Justeru, lima undang-undang utama yang berkaitan dengan dadah ialah:

- a. Akta Dadah Berbahaya 1952.
- b. Akta Racun 1952.
- c. Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) 1983 (Pindaan 1998).
- d. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas), 1985 & Kaedah-Kaedah 1987.
- e. Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988.


Undang-undang dadah di Malaysia meliputi aspek-aspek pencegahan hingga rawatan serta pemulihan. Di dalam pelaksanaannya, terdapat kelemahan-kelemahan perundangan yang dikenal pasti secara berterusan dan telah dibuat beberapa pindaan supaya lebih berkesan dan efektif. Penalti berat yang dikenakan adalah menggambarkan kesungguhan kerajaan Malaysia untuk membendung budaya masalah dadah.

Banyak pihak yang berbicara tentang dadah, tidak kira sama ada secara individu, pertubuhan-pertubuhan tertentu mahupun agensi kerajaan sendiri yang terlibat secara khusus memerangi masalah dadah. Dadah merupakan najis yang telah mengancam negara kita sejak sekian lama dan isu salah guna dadah masih kekal menjadi musuh utama negara (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2014). Sebenarnya, dadah adalah penting untuk tujuan perubatan tetapi malangnya selalu disalah gunakan oleh segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab. Jika diteliti, dadah disalah gunakan untuk kepentingan peribadi seperti mengelakkan rasa sakit, mendapatkan rasa segar, mengelakkan tekanan hidup, melarikan diri daripada kesengsaraan dan sebagainya.

Kitaran dari salah guna bahan boleh memberi impak yang buruk kepada sesebuah negara yang tercinta. Ini kerana, masalah salah guna bahan bukan sahaja memberi mudarat kepada mereka yang terlibat tetapi juga kepada keluarga disebabkan stigma masyarakat ke atas pelakunya. Masyarakat berasa terancam dengan wujudnya masalah salah guna bahan dalam kalangan ahli masyarakat yang mana ini akan mengancam keselamatan kehidupan masyarakat, seterusnya menjejaskan keharmonian dan menggugat pembangunan negara. Mereka yang terjerumus dan terlibat dengan penggunaan dadah menjadi kurang produktif dan umur produktif mereka akan hilang begitu sahaja. Laporan Dadah Dunia tahun 2014, menganggarkan seramai 183,000 kematian berkaitan dadah dilaporkan pada tahun 2012. Angka itu sepadan dengan kadar kematian sebanyak 40 kematian bagi setiap juta dalam kalangan penduduk yang berumur 15-64 tahun. Anggaran ini lebih rendah daripada tahun 2011, kerana laporan kematian kurang dilaporkan di beberapa negara di Asia (World Drugs Report, 2014).

PERNYATAAN MASALAH

Gejala masalah penagihan dadah merupakan masalah dunia sejagat. Boleh dikatakan tidak ada sebuah negara yang terkecuali sekalipun daripada gejala penagihan dadah ini. Cuma bezanya adalah dalam bentuk skala yang besar ataupun dalam skala yang kecil, dan serius ataupun tidak. Di Malaysia, isu penagihan dadah merupakan perkara yang sangat serius sehingga menjadi agenda utama negara yang perlu diberi perhatian. Kerajaan Malaysia beriltizam untuk Perangi Dadah Habis-habisan (PDH), kerana dadah merupakan musuh nombor satu negara. Mengikut statistik, orang Melayu adalah jumlah yang paling tinggi dalam soal penagihan dadah, iaitu seramai 97,068 orang atau 78.8 peratus (AADK, 2021). Sedangkan bangsa lain berada pada tahap yang lebih rendah. Logiknya, mungkin sebab Melayu adalah penduduk majoriti di negara ini daripada populasi keseluruhan 32.4 juta. Rajah 1 menunjukkan statistik penagih dadah mengikut etnik yang dikeluarkan oleh AADK (2021).



Rajah 1: Statistik Penagih Dadah Mengikut Etnik

(Sumber: Portal Agensi Anti Dadah Kebangsaan, 2021)

Menurut Nurul Izzah (Sinar Harian, 23 Januari 2019), pada tahun 2010, 23,642 orang telah dilaporkan mengambil dadah di Malaysia. Menjelang 2016, jumlah ini terus meningkat kepada 30,844 orang. Pada tahun 2017, sejumlah 163,931 tangkapan berkaitan dadah telah dibuat. Ini telah mewujudkan situasi di mana segolongan rakyat Malaysia telah dipenjarakan atas sebab penagihan, yang juga merupakan suatu masalah kesihatan dan sosial. Laporan Astro Awani pada 14 Jun 2017 telah menyatakan bahawa 33,500 daripada 59,600 (lebih kurang 56 peratus) banduan di seluruh negara pada waktu itu berada di dalam penjara kerana kesalahan dadah. Daripada jumlah ini, 71.35 peratus terdiri daripada orang Melayu, dan 66 peratus berusia di antara 22 hingga 40 tahun. Pada tahun 2018, Jabatan Penjara Malaysia melaporkan bahawa jumlah individu yang dipenjarakan mencecah 64,000.

Ia merupakan satu angka yang jauh melebihi kapasiti penjara-penjara di negara kita yang sepatutnya hanya mampu menanggung 52,000 orang. Terlalu ramai rakyat Malaysia hari ini telah kehilangan nyawa kerana masalah dadah. Pada November 2018, Al-Jazeera melaporkan bahawa antara 1,279 individu yang dijatuhkan hukuman mati di Malaysia, 932 (72.9%) berkaitan dengan kesalahan dadah. Kos yang terpaksa ditanggung pembayar cukai di Malaysia untuk menanggung seseorang di penjara adalah RM35 sehari, bersamaan RM12,775 setahun (Sinar Harian, 23 Januari 2019).

Penagih dadah yang paling ramai adalah dalam kalangan orang Melayu selaku penduduk majoriti di negara ini. Ada pihak yang berpendapat, itu adalah suatu perkara yang wajar. Negara sebangsa seperti China, bangsa Cina ramai yang menagih. Sudah pasti, bagi negara yang majoritinya Melayu seperti Malaysia, maka Melayulah yang paling ramai. Persoalannya, tidak sepatutnya bangsa Melayu yang menjuarai semua masalah sosial yang berlaku di Malaysia meskipun Melayu adalah majoriti. Melayu beragama Islam, sepatutnya Islam menjadi pendinding kepada Melayu daripada terjerumus dalam kancang yang hina ini.

MATLAMAT DAN PERSOLAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti punca ketagihan dadah, mengkaji pengaruh keterlibatan dadah dan meneliti faktor yang lebih dominan berdasarkan konstruk agama, sosio budaya, sosio ekonomi dan persekitaran, ke atas penagih dadah bagi etnik Melayu dan etnik Cina di Malaysia. Oleh itu, berikut adalah persoalan yang digunakan iaitu:

1. Apakah punca ketagihan dadah dalam kalangan majoriti etnik Melayu dan etnik Cina Malaysia?
2. Adakah faktor berdasarkan konstruk agama, sosio budaya, sosio ekonomi, dan persekitaran memberi kesan dan pengaruh terhadap penagih dadah dalam kalangan etnik Melayu dan etnik Cina di Malaysia?
3. Apakah faktor yang lebih dominan berdasarkan konstruk agama, sosio budaya, sosio ekonomi, dan persekitaran ke atas penagih dadah dalam kalangan etnik Melayu dan etnik Cina di Malaysia?

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian diharapkan dapat memberi sumbangan dan membantu pihak berkaitan penagihan dadah terutamanya Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan lain-lain agensi yang menguruskan penagihan untuk memahami dan menangani masalah ini serta merancang sesuatu tindakan yang lebih berkesan. Hasil kajian juga dapat menyumbang untuk pangkalan data dan menyediakan satu input yang berguna untuk tujuan pembangunan penagih dadah di Malaysia. Ini kerana, kajian yang berkaitan dengan etnik Cina masih belum dijalankan lagi di Malaysia.

Secara khususnya terdapat enam kesignifikan kajian. Pertama, dapat memberi nilai tambah dalam literatur penagihan dadah berdasarkan silang budaya. Kajian ini cuba mengisi jurang yang ada dalam kajian-kajian lepas dengan memfokuskan kajian dalam konteks penagih dadah berdasarkan etnik (Melayu dan Cina) di Malaysia yang mempunyai latar belakang dan ciri-ciri yang berbeza. Kedua, dapat menghasilkan data penagih dadah berdasarkan etnik (Melayu dan Cina) untuk kegunaan AADK. Data sebegini membekalkan maklumat dan dapat membantu memahami tentang penagih dadah berdasarkan etnik (Melayu dan Cina). Seterusnya dapat membantu untuk merancang dalam tindakan pencegahan. Kenyataan ini selari dengan hasrat AADK untuk merangka strategi baru Dasar Dadah Negara khususnya memberi input berguna dalam memperkukuhkan strategi dalam pencegahan.

Ketiga, dapat menghasilkan input untuk membangunkan satu model bagaimana untuk mendorong, mengekalkan dan meningkatkan peranan pelbagai pihak dalam mencegah penagihan dadah berdasarkan etnik (Melayu dan Cina) dalam komuniti mereka. Keempat, dapat menghasilkan input untuk membangunkan satu model pencegahan yang melibatkan peranan ibu bapa, keluarga, sekolah, komuniti dan pertubuhan-pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan untuk bersama membantu mengatasi masalah penagihan dadah. Kelima, untuk menghasilkan cadangan penyelidikan lanjutan berdasarkan dapatan kajian ini, kerana penyelidikan merupakan suatu tugas menganalisis yang berterusan. Dapatan sesuatu kajian akan membuka jalan dan menunjuk arah kepada penyelidikan yang seterusnya. Penemuan kajian ini akan

memberi input penting kepada dunia penyelidikan dan dimanfaatkan untuk kesejahteraan sejagat.

Keenam, menerusi kajian ini dijangka dapat memberi sumbangan secara teori dan metodologi, iaitu terbinanya alat ukuran untuk menguji faktor-faktor yang mempengaruhi penagih dadah silang budaya terutama dalam kalangan Etnik Melayu dan Etnik Cina. Kajian ini penting bagi kerajaan mengenal pasti punca sebenar etnik Melayu dan etnik Cina terlibat dalam penagihan dadah. Langkah pro aktif amat penting dilakukan bagi mengekang gejala ini daripada menular dalam kalangan rakyat Malaysia. Kajian ini penting bagi pembuat dasar negara berkaitan isu dadah kerana data yang diperolehi adalah melalui kajian silang budaya yang lebih sistematik.

KERANGKA TEORI

Pada asasnya teori membantu penyelidik melihat bidang ilmu secara sistematik, dengan kefahaman yang tersusun, dan beberapa bidang ilmu dapat digabungkan bagi membina perkaitan antara konsep daripada disiplin tertentu (Azizi et. al., 2006). Kajian-kajian berasaskan tingkah laku manusia banyak menggunakan teori sehingga teori-teori tersebut memberikan impak yang tersendiri dalam bidang penyelidikan. Pelbagai teori telah diperkenalkan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu yang merangkumi pelbagai situasi, peristiwa, keadaan dan bahkan juga perkara yang bersangkutan dengan tingkah laku manusia. Setelah penelitian dilakukan, kajian ini mendapati satu teori yang sesuai dibincangkan dan dapat diterima secara umum dalam menghuraikan hal yang berkaitan dengan sosio-budaya, tingkah laku, emosi dan persekitaran dalam kalangan penagih-penagih dadah berdasarkan etnik Melayu dan etnik Cina.

Teori Tingkah Laku Terancang

Teori Perilaku Terancang atau *Theory of Planned Behavior* (TPB) ialah teori yang diperkenalkan oleh Icek Ajzen, seorang profesor psikologi pada tahun 1980-an (Ajzen 1985, 1991 dalam Kamarudin, 2011). Bagaimanapun, teori TPB adalah lanjutan daripada *Theory of Reasoned Action* (TRA) yang diasaskan oleh Martin Fishbein bersama Icek Ajzen dalam tahun 1970-an lagi (Fishbein & Ajzen, 1975; Ajzen & Fishbein, 1980). Dalam teori asal TRA, Fishbein & Ajzen (1975) telah mengemukakan teori antara sikap, norma subjektif dan keinginan tingkah laku individu. Menurut teori TRA, jika seseorang dinilai dengan sesuatu sikap positif dan jika mereka berfikir yang diri mereka bermakna terhadap orang lain yang mahukan mereka membuat sesuatu tingkah laku, ini menunjukkan keinginannya yang tinggi dan mereka kemungkinan akan melakukannya (Sheppard, Hartwick & Warshaw, 1988).

Secara ringkasnya, TRA mengandungi komponen tiga konstruk umum iaitu keinginan tingkah laku individu (*Behavior Individual* - BI), sikap terhadap tingkah laku (*Attitude* - A) dan norma subjektif (*Subjective Norms* - SN). Teori TRA mencadangkan keinginan tingkah laku seseorang adalah bergantung kepada sikapnya terhadap sesuatu tingkah laku dan norma subjektif ($BI = A + SN$). Jika seseorang ingin untuk melakukan sesuatu tingkah laku, maka ini memungkinkan individu berkenaan akan melakukannya (Fishbein & Ajzen, 1975). Teori TRA ini akhirnya dikembangkan oleh Ajzen sebagai model TPB dengan menambahkan satu lagi konstruk iaitu tahu kawal tingkah laku (*Perceived Behavioral Control* - PBC). Konstruk tahu

kawal tingkah laku ini mempunyai kedua-dua kesan langsung dan perantara terhadap tingkah laku dan merujuk kepada kawalan persepsi seseorang ke atas tingkah laku yang dilakukan tersebut (Ajzen 1985, 1991; Ajzen & Madden 1986).

Menurut Ajzen (1985, 1991) peramal awalan tingkah laku model TPB ialah keinginan yang ditentukan oleh sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan tahu kawal tingkah laku. Sikap merujuk kepada penilaian keseluruhan tingkah laku seseorang, sementara norma subjektif pula mengenai kepercayaan seseorang sama ada orang lain yang memberi makna atau kesan terhadap sesuatu tingkah laku yang akan mereka lakukan. Manakala tahu kawalan tingkah laku pula ditentukan oleh kepercayaan seseorang mengenai adanya faktor yang akan memudahkan atau menghalang seseorang dari melakukan sesuatu tingkah laku.

Seterus Ajzen (2002) telah meningkatkan huraian berkaitan teori TPB. Hari ini teori TPB banyak digunakan dalam pelbagai bidang disiplin yang berkaitan tingkah laku manusia seperti psikologi, sains sosial, kesihatan, pendidikan, organisasi, persekitaran, kepenggunaan, perniagaan, kajian pengangkutan dan keselamatan jalan raya (Kamarudin, 2011). Dalam bidang psikologi sosial umpamanya, Spijkerman, Regina, Eijndeena, Vitalea & Engels (2004) menjalankan kajian untuk menjelaskan tingkah laku merokok dan meminum alkohol dalam kalangan remaja muda. Data-data dikumpul menggunakan kaedah tinjauan ke atas 2814 responden remaja dari 12 buah sekolah yang berbeza di Netherland. Analisis kajian tersebut menggunakan model regresi berganda secara berasingan untuk kedua-dua tingkah laku merokok dan meminum alkohol. Hasil kajian mendapati konstruk-konstruk sikap, norma subjektif dan tahu kawal kelakuan mempunyai perkaitan yang signifikan dengan keinginan merokok dan meminum alkohol. Di samping itu, pemboleh ubah seperti jantina, gred, tahap sekolah dan latar belakang budaya juga mempengaruhi keinginan merokok dan meminum alkohol dalam kalangan remaja berkenaan.

Norman, Armitage & Quiley (2007) menggunakan model TPB sebagai prototaip pengukuran dalam kajian mereka untuk menilai impak tabiat meminum alkohol secara berlebihan. Seramai 94 orang responden yang terdiri daripada pelajar sekolah di United Kingdom telah dipilih dan melengkapkan borang soal selidik dalam kajian tersebut. Dengan menggunakan teknik regresi berganda, Norman et al. (2007) mendapati hanya konstruk sikap sahaja yang mempunyai hubungan dengan keinginan untuk meminum alkohol berlebihan, tetapi konstruk norma subjektif dan tahu kawal tingkah laku tiada sebarang perhubungan. Manakala pemboleh ubah eksogen iaitu keinginan menunjukkan terdapat hubungan yang kuat dengan pemboleh ubah endogen iaitu tingkah laku meminum alkohol secara berlebihan. Konstruk tahu kawal tingkah laku pula menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan dengan kelakuan tersebut.

Guo et al. (2007) telah menjalankan kajian untuk menerokai dan meramal tabiat merokok dalam kalangan remaja di China. Pengumpulan data kajian tersebut dilakukan secara berskala besar di tujuh bandar besar merangkumi empat wilayah di China iaitu Shenyang, Wuhan, Kunming dan Hangzhou. Seramai 12 382 responden yang terdiri daripada pelajar sekolah dari 147 sekolah yang dipilih di dalam wilayah tersebut sebagai sampel kajian. Guo et al. (2007) menggunakan kaedah *Proc Mixed* dalam perisian SAS dan model-model diuji dengan kriteria Baron & Kenny dan ujian Sobel untuk melakukan analisis secara berbilang peringkat. Hasil kajian tersebut menunjukkan konstruk tahu kawalan memberi pengaruh yang utama

terhadap keinginan tingkah laku merokok dalam kalangan remaja, diikuti dengan konstruk sikap dan norma subjektif.

Kelly, Deane, McCarthy and Crowe (2011) menggunakan TPB untuk mengkaji halangan mengikuti rawatan pemulihan dadah dan alkohol dan meramal niat untuk memasuki rawatan dan pemulihan lanjutan secara residensi. Kajian ini mengkaji tiga komponen utama iaitu) TPB, halangan-halangan yang diterima untuk mendapatkan rawatan dan penglibatan terdahulu responden dalam rawatan dan pemulihan salah guna dadah dan alkohol, diramalkan sebagai niat untuk mengikuti program rawatan pemulihan seterusnya.

Seramai 168 responden telah ditempatkan di dalam detoksifikasi fasiliti tentera di Sydney, Brisbane, Queensland dan Gold Coast, Australia. Responden ini telah melengkapkan survei dengan menggunakan komponen TPB. Kajian secara *longitudinal* ini untuk mengkaji sama ada niat ini mendorong orang mendapatkan rawatan dan pemulihan lanjutan seperti dicadangkan, strategi klinikal yang munasabah untuk meningkatkan niat juga dibincangkan. Analisis regresi digunakan untuk meramal niat (pemboleh ubah dikotomi) untuk memasuki rawatan dan pemulihan diikuti detoksifikasi. Keputusan kajian menunjukkan komponen utama TPB (sikap, norma sosial, PBC) dan kehadiran masalah mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat untuk memasuki program rawatan dan pemulihan dadah.

Teori Perkembangan Robert Havighurst

Robert Havighurst merupakan seorang ahli psikologi Amerika yang terkenal dengan teori perkembangan sosio-budaya dan antropologi. Beliau telah menemukan teori yang berkaitan dengan perkembangan seseorang manusia. Perkembangan seseorang dipengaruhi oleh faktor persekitaran kerana faktor persekitaran merupakan elemen penting yang berperanan dalam pertumbuhan dan perkembangan seseorang. Ini bermakna perkembangan personaliti juga turut dipengaruhi oleh nilai-nilai, norma-norma serta budaya masyarakat dan persekitarannya. Bahkan faktor biologi, sosial dan psikologi juga mempengaruhi perkembangan seseorang individu. Namun, Havighurst hanya menumpukan kepada keadaan sekeliling atau persekitaran bagi seseorang individu itu membesar, sama ada meninggalkan impak yang positif atau pun negatif.

Ibu bapa berperanan dalam mencorak dan membentuk identiti anak-anak mereka. Persekitaran yang dimaksudkan mampu mempengaruhi seseorang dilihat daripada segi pemakanan, rakan sebaya, guru, bahan bacaan dan media elektronik (internet). Bagi faktor persekitaran dalam aspek pemakanan yang diambil oleh ibu semasa mengandung perlu seimbang dan berzat supaya bayi dapat membesar dengan sempurna dan sihat. Seterusnya, pemakanan yang diperlukan oleh seseorang mestilah seimbang berdasarkan piramid makanan kerana ianya akan membantu tumbesaran yang sihat dan cergas serta perkembangan seseorang ke arah yang positif.


Manakala faktor persekitaran dalam aspek rakan sebaya pula, Havighurst (1952) menyatakan bahawa pemilihan kawan akan mempengaruhi seseorang individu. Seperti, jika seseorang berkawan dengan rakan yang manja, maka sedikit sebanyak akan mendorong untuk menjadi manja. Seterusnya faktor persekitaran seperti rakan sebaya adalah sangat penting kerana ianya akan mempengaruhi tingkah laku mereka. Jika rakan yang baik, maka manfaat tersebut baik untuk seseorang individu.

Namun jika sebaliknya, ia akan mempengaruhi perkembangan seseorang individu dan ibu bapa perlu memantau dan membantu dalam membentuk peribadi mereka supaya menjadi insan yang berguna kepada masyarakat, bangsa dan negara. Sediakan persekitaran yang kondusif dan selamat untuk seseorang individu membesar dengan sempurna mampu membantunya untuk berjaya. Havighurst (1952) menyatakan bahawa, bagi setiap tumbesaran dan perkembangan manusia perlu melalui sepuluh peringkat yang bermula daripada peringkat bayi sehingga ke peringkat tua. Namun, sekiranya kehendak-kehendak dalam setiap peringkat tidak mampu dicapai, berkemungkinan akan mempengaruhi perkembangan. Maka inisiatif yang pelbagai perlu dititikberatkan seperti menyediakan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian dengan peringkat seseorang individu seperti permainan dan lakonan.

KERANGKA KONSEPTUAL

Kerangka konsep kajian ini berkaitan dengan isu penagihan dadah di Malaysia. Penagihan dadah ialah satu perbuatan individu yang bergantung kepada dadah. Antara item yang terdapat dalam isu penagihan ini ialah kaedah pengambilan dadah, jenis-jenis dadah yang diambil (tradisional & sintetik), sumber perolehan dadah dan cara mendapatkan dadah. Kajian ini juga melakukan kajian terhadap faktor penagihan dadah yang melangkaui silang budaya iaitu etnik Melayu dan etnik Cina yang terdapat di Malaysia.

Pemilihan etnik ini berdasarkan statistik penagihan AADK menunjukkan kedua-dua etnik ini mempunyai jumlah yang ramai. Maka, kajian ini ingin merungkai faktor kecenderungan penagihan dadah bagi etnik Melayu dan Etnik Cina. Antara faktor yang diramal mempengaruhi kecenderungan penagihan dadah ini ialah empat konstruk Agama, konstruk sosio-budaya, konstruk sosio-ekonomi dan konstruk persekitaran. Oleh yang demikian, setiap konstruk terdiri daripada beberapa sub konstruk. Bagi konstruk Agama, sub konstruk ialah moral, falsafah hidup dan amalan. Konstruk sosio-budaya pula diwakili oleh sub konstruk pendidikan, budaya keluarga, adat budaya, gaya hidup. Selain itu, konstruk sosio-ekonomi ialah taraf hidup keluarga. Manakala persekitaran, sub konstruk ialah komuniti, rakan sebaya, diri sendiri, keluarga dan kediaman.



Rajah 1: Kerangka Konseptual

KESIMPULAN

Fenomena penyalahgunaan dadah yang berlaku di negara kini semakin hari semakin parah dan agak sukar untuk dibendung sekiranya semua lapisan masyarakat enggan memberi kerjasama dalam menangani fenomena ini. Mengikut statistik daripada AADK, etnik Melayu merupakan etnik paling ramai yang terlibat dengan aktiviti dadah dan etnik Cina pula menduduki di tangga yang kedua. Setakat ini tidak ada lagi kajian dibuat mengenai kajian silang budaya, antara etnik Melayu dan etnik Cina dalam kalangan penagih dadah di Malaysia. Oleh hal yang demikian, kertas konsep ini dapat membantu untuk merungkai faktor-faktor keterlibatan penagihan dadah bagi kedua-dua etnik ini berdasarkan empat konstruk (agama, sosio budaya, sosio ekonomi, dan persekitaran).

RUJUKAN

- Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). (2021). *Statistik Penagih Dadah Mengikut Etnik 2021*. Portal Rasmi Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).
- Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). (2014). *Maklumat Dadah 2014*. Kementerian Dalam Negeri Malaysia.

- Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). (2004). *Laporan status program rawatan dan pemulihan dadah di pusat-pusat serenti*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Agensi Dadah Kebangsaan. (1997). *Kenali dan perangi dadah*. Malaysia, Agensi Dadah Kebangsaan 1997.
- Agensi Dadah Kebangsaan. (1992). *Laporan tahunan ADK dan pasukan petugas anti dadah, dadah apa anda perlu tahu, 1992*.
- Ajzen, I. & Fishbein, M. (1980). *Understanding attitudes and predicting social behavior*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
- Ajzen, I. (1985). From Intentions to Actions: A Theory of Planned Behavior. In: Kuhl, J., Beckmann, J. (eds) *Action Control. SSSP Springer Series in Social Psychology*. Springer, Berlin, Heidelberg. https://doi.org/10.1007/978-3-642-69746-3_2
- Arsat, M., & Besar, A. (2011). *Penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar.: satu kajian di pusat serenti Tiang Dua, Melaka*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Asean Centre for Research of Drug Abuse (ACREDA). (2014). *Introduction to drugs*. <http://acreda.usim.edu.my/koleksi-acreda/pengenalan-mengenai-dadah> [8 Ogos 2014].
- Bahr, S. J., Hoffman, J. P. & Yang, X. (2005). Parental and peer influences on the risk of adolescent drug use. *The Journal of Primary Prevention* 26 (6): 529 - 551.
- Barnes, G. M., Welte, J. W., Hoffman, J. H., & Dintcheff, B. A. (2005). Shared Predictors of Youthful Gambling, Substance Use, and Delinquency. *Psychology of Addictive Behaviors*, 19(2), 165–174. <https://doi.org/10.1037/0893-164X.19.2.165>
- Bashirian, S., Hidamia, A. R., Allahverdipour, H., & Hajizadeh, E. (2012). Application of the theory of planned behavior to predict drug abuse related behaviors among adolescent. *Journal of Research in Health Science* 12(1): 54-60.
- Bernard, A. (2008). Cadmium & its adverse effects on human health. *Indian Journal of Medical Research*, 128(4):557-564.
- Bourne, P.G. (1973). *Addiction*. London: Academic Press
- Brown, T. L., Parks, G. S., Zimmerman, R. S., & Phillips, C. M. (2001). The role of religion in predicting adolescent alcohol use and problem drinking. *Journal of Studies on Alcohol*, 62(5), 696–705. <https://doi.org/10.15288/jsa.2001.62.696>
- Callahan, E. J. (1980) Alternative strategies in the treatment of narcotic addiction. In *The Addictive Behaviours* (ed. Miller, W. R.). Oxford, New York: Pergamon. Google Scholar.
- Chew, H. T. (1975). *Masalah perpaduan nasional*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Comber, L., & Ashaari, O. (2007). *Peristiwa 13 Mei: Sejarah perhubungan Melayu – Cina*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Corey, G. (2013). *Theory and practice of counseling and psychotherapy*. Ninth Edition. Copyright 2011 Cengage Learning.
- Dahana, A. (2002). *China dan Malaysia dalam arena perang dingin 1949-74*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- David, D. (2015). *Rational emotive behavior therapy (REBT)*. <https://doi.org/10.1002/9781118625392.wbecp077>.

- David, D., Kangas, M., Schnur, J.B., & Montgomery, G.H. (2004). *REBT depression manual; Managing depression using rational emotive behavior therapy*. Babes-Bolyai University (BBU), Romania.
- Dryden, W. & Neenam, M. (2004). *Rational emotive behavioural counselling in action*. 3rd Ed., Sage, London.
- Dryden, W. (2003). *Rational Emotive Behaviour Therapy: Theoretical Developments* (1st ed.). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203695579>
- Ellis, A. (1958). Rational psychotherapy. *The Journal of General Psychology*, 59(1), 35-49, DOI: 10.1080/00221309.1958.9710170
- Ellis, A. (2005). Discussion of Christine A. Padesky and Aaron T. Beck, "Science and Philosophy: Comparison of Cognitive Therapy and Rational Emotive Behavior Therapy". *Journal of Cognitive Psychotherapy*, 19, 181-185.
- Ellis, A., & Dryden, W. (2007). *The practice of rational emotive behavior therapy* (2nd ed.). New York: Springer Publishing.
- Ellis, A., David, D., & Lynn, S. J. (2010). Rational and irrational beliefs: A historical and conceptual perspective. In D. David, S. J. Lynn, & A. Ellis (Eds.), *Rational and irrational beliefs: Research, theory, and clinical practice*, 3–22. Oxford University Press.
- Fishbein, M., & Ajzen, I. (1975). *Belief, Attitude, Intention, and Behavior: An Introduction to Theory and Research*. Reading, MA: Addison-Wesley.
- Geyer, A. L., & Baumeister, R. F. (2005). Religion, Morality, and Self-Control: Values, Virtues, and Vices. *Handbook of the psychology of religion and spirituality*, 412-434.
- Giordano, A. L., Prosek, E. A., Daly, C. M., Holm, J. M., Ramsey, Z. B., Abernathy, M. R., & Sender, K. M. (2015). Exploring the relationship between religious coping and spirituality among three types of collegiate substance abuse. *Journal of Counseling & Development*, 93(1), 70-79. <https://doi.org/10.1002/j.1556-6676.2015.00182.x>
- Gurr, T. R. (1989). Protest and Rebellion in the 1960s: The United States in World Perspective. *Violence in America: Protest, Rebellion, Reform* (T.R. Gurr, ed.) 101-130. Newbury Park, CA: Sage Publications.
- Haslina H., Abdul Mutalip A., Chai, E. & Regina, G. A. (2009). "Lihat Naga Boleh, Jadi Goku pun Boleh": Kajian Remaja dan Penyalahgunaan Inhalan di Daerah Kuching, Sarawak. *Malaysia Anti-Drugs Journal*, 5(1).
- Havighurst, R. J. (1952). Social and psychological needs of the aging. *Sage Journal*, 279(1).
- Hawkins, J. D., & Fraser, M. W. (1989). The social networks of drug abusers before and after treatment. *In Drug and Alcohol Use*, 73-91. Springer US.
- Holmes, D. (2005). *Communication theory: media, technology and society*. London, Sage Publications.
- Hubbard, R. L., Marsden, M. E., Rachal, J. V., Harwood, H. J., Cavanaugh, E. R., & Ginzburg, H. M. (1989). *Drug Abuse Treatment: A National Study of Effectiveness*. Chapel Hill, NC: University of North Carolina Press.
- Hyland, P., Maguire, R., Shevlin, M., & Boduszek, D. (2014). Rational beliefs as cognitive protective factors against posttraumatic stress symptoms. *Journal of Rational-Emotive & Cognitive-Behavior Therapy*, 32(4), 297–312. <https://doi.org/10.1007/s10942-014-0195-2>

- Jamri, M. H., Ismail, N., Ahmad, J., & Singh, D. (2019). Kempen Bahaya Penyalahgunaan Dadah: Satu penilaian mengenai keberkesanan strategi media cetak dalam kalangan belia di Pulau Pinang. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 2, 123-135.
- Kandel, D. B., and Yamaguchi, K. (2002). Stages of drug involvement in the U.S. population. In *Stages and Pathways of Drug Involvement: Examining the Gateway Hypothesis* (D.B. Kandel, Ed.), pp. 65–89. Cambridge University Press, Cambridge, UK.
- Kashif, M., Samsi, S. Z. M., Awang, Z., & Mohamad, M. (2016). EXQ: Measurement of healthcare experience quality in Malaysian settings: A contextualize perspective. *International Journal of Pharmaceutical and Healthcare Marketing*, 10(1), 27-47.
- Kelly, P. J., Deane, F. P., McCarthy, Z. & Crowe, T. P. (2011). Using the theory of planned behavior and barrier to treatment to predict intention to enter further treatment following-residential drug and alcohol detoxification. *Addiction Research & Theory* 19: 276-282.
- Khalil, S., Ahmad, R., John Abdullah, S. A., Yusuff, Y., Abdul Rahman, A., Azrae, A. N., & Mohd Shariff, R, N. (2011). Undang –Undang Penagih Dadah 1983(Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 1998: Analisa Terma ‘Penagih’ dan ‘Ketagihan’. *Jurnal Anti dadah Malaysia*, 7(1), 15-37.
- Kreek, M. J., Nielsen, D. A, Butelman, E. R. & LaForge, K. S. (2005). Genetic influences on impulsivity, risk taking, stress responsivity and vulnerability to drug abuse and addiction. *Nature neuroscience*, 8(11), 1450– 1457. Doi: 10.1038/nn1583
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Kutcher, E. J., Bragger, J. D., Rodriguez-Srednicki, O., & Masco, J. L. (2010). The role of religiosity in stress, job attitudes, and organizational citizenship behavior. *Journal of Business Ethics*, 95(2), 319–337. <https://doi.org/10.1007/s10551-009-0362-z>
- Ling, L. S. (1995). *The Malaysian Chinese towards vision 2020*. Kuala Lumpur: Pelanduk.
- Maehira, Y., Chowdhury, E. I., Reza, M., Drahozal, R., Gayen, T. K., Masud, I., & Azim, T. (2013). Factors associated with relapse into drug use among male and female attendees of a three-month drug detoxification–rehabilitation programme in Dhaka, Bangladesh: a prospective cohort study. *Harm reduction journal*, 10(1), 14.
- Mahmood, N. M. & Edman, J. L. (2018). *Attribution response among drug addict*. Laporan kajian. Universiti Utara Malaysia.
- Mahmood, N. M. (2016). Perubahan psikologikal dari segi harga diri, profail personaliti dan penggunaan mekanisme bela diri di kalangan penagih dadah yang mengikuti program pemulihan serenti (Tesis Doktor Falsafah). Jabatan Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Majid & Rosmin (1989). *Penggunaan dadah di kalangan pelajar-pelajar sekolah*. Jabatan Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 92-107.
- Manab, R. (2013). Kajian faktor risiko belia terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan bandar di negeri Johor. (Tesis master, tidak diterbitkan) Universiti Teknologi Malaysia. Malaysia.
- Marzillier, J. S. (2005). A sadly neglected cognitive element in depression: A reply to Ellis. *Cognitive Therapy and Research*, 11, 147-151.

- McDonald, D. (2011). Australian governments' spending on preventing and responding to drug abuse target the main sources of drug-related harm and most cost-effective interventions. *Journal Drug and Alcohol Review* 30 (1): 96-100.
- Md Jadi, H. (1990). *Etnik, Politik dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed, I., Razak, L. & Mohd Isa, A. M. (2002). *Mengenali dadah dan bahayanya terhadap masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Purcell, V. (1978). *The Chinese in Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sadiron, N., Kamaluddin, M. R., Wan Sulaiman, W. S., & Khairudin, R. (2019). Psikologi penagih dadah: satu tinjauan literatur. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 33 (1), 12-33. ISSN 2289-8174
- Speneer, S. (2005). *Rational emotive behavior therapy: it's effectiveness with children*. (Unpublished master's thesis). University Of Wisconsin – Stout.
- Strauch, J. (1981). *Chinese village politics in the Malaysian state*. Cambridge: Harvard University Press.
- Sulaiman, S., & Ismail, A. (2017). Pengaruh Didikan Keluarga Di Rumah Dalam Kalangan Penagih Dadah: Kajian di Cure & Care Vocational Centre Sepang. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(1), 93-103.
- Sulaiman, Zakaria, & Abu Bakar, N. (2014). *Jenayah yang berkaitan dengan dadah*. Kuala Lumpur: Pustaka Cita Tinggi.
- Taib, A. G. (1989). *Dadah dan pencegahannya di Malaysia*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan, T. J., Ho, W. F., & Tan, J. L. (2005). *The Chinese Malaysian Contribution*. Kuala Lumpur: Center for Malaysian Chinese Studies.
- Walters, G. D. (1994). *Drug and crime in lifestyle perspective*. London: Sage Publication.
- Warren, J. M. & Gerler, E.R. (2013). Effects of School Counselors' Cognitive Behavioral Consultation on Irrational and Efficacy Beliefs of Elementary School Teachers. *Professional Counselor*, 3(1), 6-15. <https://www.learntechlib.org/p/158543/>